



SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT BANDARAYA
Jalan Bangkung, Bangsar
59100 Kuala Lumpur

Tel: 03-20950162
Fax: 03-20945740

Tuan/ Puan,

Pemulangan dan Agihan Buku Teks SPBT 2010/ 2011

Dengan segala hormatnya sukacitanya di maklumkan bahawa pihak sekolah akan mula mengumpul dan mengagihkan semua buku teks SPBT seperti ditetapkan berikut :

Bil	Tahun	Tarikh Serahan	Masa Serahan	Tarikh Agihan	Masa Agihan
1.	Tahun 1	1/11/2010 (Isnin)	7.40 – 9.40 pg	1/11/2010 (Isnin)	10.00 – 12.30 tgh
2.	Tahun 2	1/11/2010 (Isnin)	8.40 – 9.40 pg	1/11/2010 (Isnin)	10.00-12.30 tgh
3.	Tahun 3	1/11/2010 (Isnin)	8.10 – 9.40 pg	1/11/2010 (Isnin)	10.00 -12.30 tgh
4.	Tahun 4	1/11/2010 (Isnin)	7.40 – 10.00 pg	11/11/2010 (Khamis)	11.00 – 1.00 ptg
5.	Tahun 5	11/11/2010 (Khamis)	11.00 – 12.00 tgh	11/11/2010 (Khamis)	12.00 – 1.00 ptg
6.	Tahun 6	27/10/2010 (Rabu)	8.00 pg	-	-

2. Pelajar yang **tidak menghantar buku** menyebabkan **keputusan peperiksaan akan digantung** dan **agihan buku** untuk tahun hadapan akan di tahan.

3. Agihan buku akan diberikan kepada **Warganegara Malaysia** sahaja.

4. Murid-murid Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4, Tahun 5, dan tahun 6 yang telah **menghilangkan buku teks** diminta untuk **menggantikan semula** buku tersebut dengan **buku yang sama**.

5. Murid Tahun 4 yang telah **menghilangkan buku teks Bahasa Arab**, diminta supaya **menggantikan dengan wang mengikut harga buku** tersebut. Hal ini disebabkan oleh buku teks bahasa Arab tahun 2011 menggunkan sukatan pelajaran baru.


6. **Semua murid Tahun 1**, yang telah **menghilangkan buku teks (semua judul)** perlu **digantikan** dengan **wang mengikut harga buku** tersebut. Hal ini disebabkan oleh buku-buku teks tahun 1 pada tahun 2011 ditukar kepada sukatan pelajaran baru.

7. Berikut di lampirkan senarai buku di terima yang perlu di pulangkan oleh pelajar

Sekian, harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


.....
LAM KAM POY
OPK Hal Ehwal Murid
Sekolah Kebangsaan Bukit Bandaraya
Jalan Bangkung, Bangsar
59100 Kuala Lumpur